

Zahir keputusan dengan jujur

Magendran Rajagopal

magendran@bh.com.my



Sidang Kemuncak Kuala Lumpur (KL Summit) 2019 selama empat hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), yang membuka tirai Rabu ini, sekali lagi menjadi pentas bagi kira-kira 450 pemimpin negara, pemimpin Islam, cendekiawan, pemikir dan bijak pandai dari serata dunia untuk berbicara serta bertukar pandangan mengenai isu berkaitan dunia Islam.

Pada November 2014, apabila sidang kemuncak pertama diadakan di Kuala Lumpur, kejayaan dicapai dalam mengumpulkan tokoh terkemuka dunia Islam bagi membincangkan isu membabitkan kepentingan bersama dan masalah membelenggu masyarakat dalam sejagat.

Namun, selepas lima tahun, dunia Islam bukan saja menghadapi ancaman pihak luar; sebaliknya sesama Islam sendiri dengan ancaman keganasan bertopengkan agama, antaranya kumpulan seperti Abu Sayyaf dan Daesh, selain pelbagai kumpulan serpihan yang cuba menghalalkan keganasan atas nama agama.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri

Muhyiddin Yassin, pada Sesi Pleno Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN berkaitan Jenayah Rentas Negara (AMMTC) Ke-13 bulan lalu, tidak menolak kebarangkalian Daesh memindahkan operasi ke rantau Asia Tenggara berikutan kematian pemimpinnya, Abu Bakr al-Baghdadi, dalam satu serangan di Syria pada Oktober lalu.

Malah, beliau percaya kematian al-Baghdadi akan membuka satu lagi babak dalam operasi keganasan Daesh yang kini mencari pangkalan baharu selepas kehilangan banyak wilayahnya di Syria dan Iraq, sekali gus menjadi ancaman global, khususnya kepada negara Islam.

Walaupun tujuh tema utama persidangan diumumkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapan perasmian pra pelancaran KL Summit baru-baru ini tidak secara khusus menyentuh implikasi tindakan kumpulan pengganas yang memeralatkan Islam bagi agenda peribadi, ia tidak boleh diketepikan apabila membicarakan isu dunia Islam sejagat.

Begitu juga isu berbangkit seperti sekatan Amerika Syarikat (AS) terhadap sektor pembinaan Iran dan perdagangan, selain pencerobohan Israel di Palestin.

Selaku Pengerusi KL Summit 2019, Dr Mahathir turut menyuarakan kebimbangannya terhadap kegagalan umat Islam sejagat menjalani kehidupan berlandas-



kan ajaran Islam sebenar.

Katanya, perang membabitkan saudara seagama kerana percanggahan mazhab dan fahaman terus membelenggu umat Islam di seluruh dunia, malah ada negara Islam bersekongkol dengan negara bukan Islam untuk memerangi negara Islam lain, sedangkan semuanya mengaku saudara seagama.

“Inilah hakikat yang menunjukkan kita gagal dan tidak berupaya untuk hidup berlandaskan Islam sebenar.

“Kita (Islam) sudah lama dikaitkan dengan tadbir urus lemah, menjadi kancas rasuah dan sebagai negara di mana keganasan bercambah.

“Kita boleh terus lantang membantah bahawa tindakan melabel Islam sebagai pencetus keganasan adalah propaganda anti-Islam, tetapi kita juga sedar bahawa kelemahan dan perpecahan dalam kalangan kita sendiri seolah-olah mengesahkan kebenaran propaganda ini.

“Kita ada negara Islam terkaya antara yang kaya di dunia dan ada

BH-16/12/2019 ml: 11
juga negara Islam termiskin dalam kalangan negara paling miskin di dunia. Ini hakikat dunia Islam sekarang,” katanya dalam teks ucapan di laman sesawang KL Summit (<https://kls Summit.my/>).

Dr Mahathir menaruh harapan tinggi perbincangan tujuh tema persidangan, iaitu pembangunan dan kedaulatan; integriti dan tadbir urus yang baik; budaya dan identiti; kebebasan dan keadilan; keamanan, keselamatan dan pertahanan; perdagangan dan pelaburan serta teknologi dan tadbir urus internet, dapat merumuskan jalan penyelesaian bagi permasalahan berkaitan dunia Islam.

Lima negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Turki, Qatar dan Pakistan menjadi perintis KL Summit dan Emir Qatar, Sheikh Tamim Hamad Al Thani; Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan serta Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan, sudah mengesahkan kehadiran.

Dr Mahathir awal-awal lagi mengingatkan bahawa hasrat, cadangan dan idea menyumbang serta memperbaiki kedudukan umat Islam sejagat oleh negara Islam sendiri, harus diterjemahkan dengan pelan pelaksanaan munasabah supaya apa yang dirumuskan tidak hanya tinggal idea.

Beliau turut menaruh harapan tinggi terhadap mereka yang hadir, untuk menyahut cabaran menzahirkan semua keputusan

pada sidang kemuncak kali ini dengan jujur, bagi mencari rumusan munasabah menangani masalah dihadapi negara Islam sejagat.

Ucuptama Dr Mahathir pada permulaan persidangan Khamis ini, disusuli ucapan Erdogan; Presiden Iran, Hassan Rouhani; Imran dan Naib Presiden Indonesia, Ma'ruf Amin serta Emir Qatar, dijangka menjadi pedoman hala tuju sidang kali ini.

KL Summit 2019 juga bakal menyaksikan dua sesi perbincangan meja bulat bertajuk 'Keutamaan Pembangunan dan Cabarannya' serta 'Peranan Politik Dalam Pembangunan', selain sesi khas bertema 'Kenapa Pendidikan Menjadi Kunci Pembangunan Nasional'.

Ini disusuli empat sidang pleno, masing-masing membicarakan tajuk 'Pengagihan Semula Kekayaan'; 'Keselamatan Makanan'; 'Teknologi Tinggi Maju' dan 'Pengkalan Identiti Nasional'.

Hanya masa akan menentukan sama ada apa yang diharapkan Dr Mahathir secara peribadi dan negara menyertai KL Summit ini secara umum bagi menangani masalah dunia Islam, dapat diterjemahkan menerusi pelan tindakan yang terjamin pelaksanaannya.

Penulis adalah Penulis Khas Berita Harian